

# Dr. Mahathir selar Barat, diplomat asing keluar dewan

UM - 10/9/2005

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI  
dan FAUZI JAAFAR

“ Saya mempunyai hak mengkritik mereka (AS dan Britain) atas tindakan pilih kasih mereka ”

KUALA LUMPUR 9 Sept. – Sikap sebenar Amerika Syarikat (AS) dan Britain terhadap hak asasi manusia terserlah lagi apabila wakil mereka ke negara ini bertindak keluar dewan ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad berucap mengkritik dua negara itu pada persidangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) di sini hari ini.

Atas dasar hak asasi manusia, bekas Perdana Menteri dalam ucapannya dengan lantang mengkritik dasar pilih kasih negara kuasa besar itu termasuk layanan berbeza-beza terhadap negara yang dianggap sahabat dan musuh.

Oleh kerana tidak tahan dengan kritikan pedas Dr. Mahathir, Duta AS, Christopher J. LaFleur dan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn bangun meninggalkan dewan persidangan.

Turut meninggalkan dewan yang dipenuhi oleh 300 orang jemputan itu ialah beberapa diplomat Barat.



DR. MAHATHIR MOHAMAD



CHRISTOPHER J. LAFLEUR



BRUCE CLEGHORN

# Dr. Mahathir selar Barat, diplomasi keluar dewan

'Pergerakan' keluar diplomat Barat itu berlaku ketika Dr. Mahathir yang terkenal sebagai pejuang dunia ketiga, mengkritik dan mendedahkan dasar-dasar AS dan Britain sebelum dan selepas pencerobohan di Iraq.

Beliau mendakwa dasar kedua-dua negara itu menyebabkan beratus ribu kematian orang awam Iraq yang tidak berdosa, termasuk 500,000 kanak-kanak sebelum pencerobohan itu.

"Hasil pencerobohan itu ialah lebih banyak orang terbunuh dan cedera daripada yang dituduh disebabkan oleh Saddam (Hussein). Lebih teruk lagi, kuasa-kuasa yang sepatutnya menyelamatkan penduduk Iraq sendiri yang melanggar undang-undang antarabangsa mengenai hak asasi manusia.

"Semasa semua ini berlaku, di manakah mereka yang sangat mengambil berat mengenai soal hak asasi manusia itu? Adakah mereka mendedahkan tentang penganiayaan oleh Britain dan Amerika?

"Adakah mereka memprotes

kerajaan mereka sendiri. Tidak, ini kerana mereka yang terbunuh adalah musuh. Ia boleh diterima. Tetapi rakyat mereka sendiri tidak boleh dibunuh. Membunuh mereka samalah juga dengan tindakan melakukan keganasan," kata Dr. Mahathir.

Ketika menjelaskan mengenai tindakannya keluar dewan, Cleg-horn berkata, beliau tidak sanggup mendengar cacian dan gambaran yang salah terhadap negaranya.

"Saya dijemput oleh Suhakam untuk menghadiri majlis perasmian Persidangan Hak Asasi Manusia mereka. Saya menerimanya sebagai menghormati Suhakam dan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia sebelum ini.

## Gambaran

"Malangnya, saya mendapati saya mendengar cacian dan gambaran yang salah mengenai negara saya. Justeru itu saya keluar," katanya dalam satu kenyataan.

Dr. Mahathir pula dalam reaksinya terhadap tindakan tidak berdiplomasi diplomat Barat itu, ketika bercakap kepada pemberita selepas syarahan itu berkata, beliau tidak dapat berbuat apa-apa, jika mereka tidak bersetuju dengan ucapannya.

"Saya mempunyai hak untuk memberi pandangan mengkritik mereka (AS dan Britain) atas tindakan pilih kasih mereka," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, diplomat Barat itu juga mempunyai hak untuk membantah dan tidak bersetuju dengan pandangannya.

"Mereka perlu mengiktiraf hak saya untuk memberi pandangan. Jika mereka tidak membenarkan saya memberi pandangan tentang perbuatan mereka, ini bermakna mereka menafikan hak saya untuk bersuara," katanya.

Tindakan keempat-empat diplomat itu keluar dewan tidak begitu disedari oleh sebahagian besar daripada 300 peserta yang menghadiri persidangan itu kerana mereka sedang memberi tumpuan penuh kepada ucapan Dr. Mahathir.